

# Dasar 'mesra pelabur' jadikan Malaysia syurga pelabur asing

PULAU PINANG 27 Ogos — Dasar 'mesra pelabur' yang diamalkan oleh negara ini menjadikan Malaysia syurga kepada pelabur asing.

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, pendekatan ini juga menjadikan ekonomi negara tumbuh dengan pesat.

Sehubungan itu, beliau berkata, Malaysia berterima kasih kepada golongan pelabur yang membolehkan negara ini merealisasikan matlamat menjadi negara industri sepenuhnya.

Dr. Mahathir berkata demikian ketika berucap pada majlis sambutan ulang tahun ke-30 industri elektronik di Pulau Pinang di Hotel Equatorial di sini, hari ini.

Kata Perdana Menteri: "Kita mahu menjadikan kerjasama yang dijalinan antara pelabur dan negara yang merdeka melabur menjadi situasi menang-menang' kepada kedua-dua pihak."

Sehubungan itu, katanya, peranan kerajaan masih lagi relevan dalam memastikan pelaburan asing memberi faedah kepada negara masing-masing.

Menurut Perdana Menteri, 82 peratus daripada eksport negara ini sekarang adalah barangan elektronik manakala selebihnya sektor perkhidmatan dan komoditi.

Dalam pada itu, beliau menegaskan sekali lagi, Malaysia tidak menentang globalisasi tetapi tidak bersetuju dengan tafsiran yang dibuat mengenainya.

Oleh sebab itu, beliau mahu tafsiran globalisasi dikaji semula.

Ini kerana, katanya, pergerakan modal yang bebas sepenuhnya adalah tidak baik untuk masyarakat pelabur serta negara tuan rumah.

Katanya, situasi sedemikian akan menyebabkan para pelabur kehilangan langkah berjaga-jaga manakala negara tuan rumah akan kehilangan pelaburan langsung asing.